

01/04/2002

Hanya PM saja boleh bantu

GERAKAN Memulihara Industri Muzik Malaysia mahu mengadakan pertemuan rasmi dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi membincangkan masa depan dan segala masalah berbangkit yang melanda industri muzik tanah air.

Ahli Jawatankuasa Kerjanya, Eja Ibrahim, berkata langkah itu perlu dilaksanakan kerana perkembangan semasa industri muzik tanah air memerlukan perhatian yang sewajarnya dari Dr Mahathir dan kerajaan di bawah pimpinannya.

"Apapun, industri muzik kita ketika ini memang dalam keadaan yang mendukacitakan kerana menjadi mangsa cetak rompak. Lagipun, cetak rompak bukan lagi masalah kecil, sebaliknya ia kini sebahagian masalah nasional yang boleh menghancurkan warisan seni dan budaya, begitu juga identiti bangsa.

"Seperkara lagi, `kehilangan' industri muzik kita juga boleh menimbulkan pelbagai masalah lain, termasuk kehilangan sumber pendapatan bagi negara dari segi cukai hiburan, meningkatnya kadar pengangguran dan banyak lagi. Bagi kita, hanya Perdana Menteri saja yang boleh membantu," katanya.

Kata Eja, persatuan ini mahu mengadakan pertemuan dan perbincangan rasmi dengan Dr Mahathir secepat yang mungkin.

"Kita tidak boleh tunggu lama lagi. Keadaan industri (muzik) kita semakin tenat dan memerlukan perhatian yang sewajarnya. Inilah usaha terakhir kita. Selepas ini, kita pun tidak tahu mahu buat apa lagi. Kita tetapkan deadline sehingga Jun ini. Jika Dr Mahathir tidak boleh, mungkin kita kena cuba ikhtiar lain pula.

"Apapun, kita tidak boleh mudah menyerah kalah. Industri muzik kita adalah milik kita. Segala perjuangan untuk memulihara dan membangunkannya akan diteruskan sampai bila-bila selagi termampu," katanya.

Difahamkan, Gerakan Memelihara Khazanah Muzik Malaysia yang diketuai Pengerusinya, Tan Sri SM Salim sudah mengadakan pertemuan rasmi dengan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsuddin Othman di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kompleks Pentadbiran Kerajaan Putrajaya pada 21 Februari lalu.

Selain SM Salim, pertemuan itu turut dihadiri beberapa Ahli Jawatankuasa Kerja yang lain, termasuk Siti Nurhaliza sebagai mewakili artis rakaman, selain Ali Bakar (promoter konsert); Ng Chong Hock dan Rosmin Hashim (syarikat rakaman) serta Syed Azlan @ Arab (penerbit album/pengubah lagu/penulis lirik).

Antara lain, pertemuan itu bagi membincangkan masa depan, begitu juga pelbagai masalah berbangkit dalam industri muzik tanah air, khususnya cetak rompak yang kini dilihat bukan saja sukar dihapuskan, tetapi juga untuk dibendung.

(END)